

## FAQ IMAJ

**1. Apakah tafsiran “Anak Johor” yang melayakkan memohon Insentif Mahasiswa Anak Johor?**

- Pemohon yang layak adalah terdiri daripada mahasiswa yang lahir di negeri Johor atau menetap di negeri Johor melebihi 5 tahun

**2. Pendapatan perkapita bagi keluarga saya adalah sebanyak RM 7000. Adakah saya layak untuk memohon IMAJ?**

- Bagi permohonan IMAJ, tiada had pendapatan dikenakan kepada pemohon. Semua pemohon adalah layak memohon selagi mana mematuhi syarat yang ditetapkan.

**3. Saya belajar di UNIKL MITEC Pasir Gudang. Adik saya pula belajar di MARSAH. Adakah kami masih layak menerima bantuan IMAJ ?**

- Pemohon-pemohon adalah layak kerana UNIKL MITEC dan MARSAH mempunyai Persatuan Anak Johor yang bernaung di bawah YPJ. Selain itu, MARSAH atau Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) ini adalah kolej di bawah Kerajaan Negeri Johor.

**4. Saya merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda dan telah selesai konvokesyen pada penghujung tahun 2023. Namun selepas konvokesyen, saya terus ditawarkan ke pengajian peringkat Master dan kini dalam semester kedua. Adakah saya layak memohon IMAJ?**

- Permohonan IMAJ hanya kepada mahasiswa dalam pengajian sepenuh masa SAHAJA. Pemohon yang telah selesai bergraduasi adalah tidak layak untuk memohon.

**5. Saya merupakan Mahasiswa Anak Johor yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini, saya dalam tempoh Latihan Industri / Praktikal di sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Adakah pelajar dalam mod Latihan Industri / Praktikal ini layak untuk memohon?**

- Pemohon adalah layak untuk memohon IMAJ. Latihan Industri / Praktikal adalah masih dalam tempoh pengajian yang ditetapkan oleh pihak universiti. Pemohon masih berstatus Mahasiswa selagi Majlis Graduasi atau Konvokesyen belum dijalankan.

**6. Adakah permohonan saya akan ditolak jika maklumat yang diberikan seperti Dun dan Parlimen tidak diisi dengan tepat?**

- Pihak YPJ berhak untuk menolak setiap permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan. Pemohon WAJIB mengisi maklumat yang tepat untuk permohonan IMAJ.

**7. Saya tersalah mengisi maklumat dalam permohonan IMAJ. Adakah saya dibenarkan untuk mengemaskini maklumat yang telah dihantar?**

- Jika terdapat kesilapan dalam permohonan IMAJ dan memerlukan pengemaskinian maklumat dan data, pihak pemohon boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Insan (YPJ) di talian 07-2344355 untuk semakan dan kemaskini.